

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

HIGHLIGHTS

Transformasi Landskap: Satu Inisiatif Komuniti yang Bermakna Dewan Seri Pekala Kampung Kuala Lama Mukah

Penulis: Muhamad Syukrie Hj. Abu Talip, Akmal Shafiq Badarul Azam, dan Siti Nur Ateqah Mohd Shafie

Dewan serbaguna merupakan jantung kepada aktiviti kemasyarakatan di kawasan luar bandar. Di Kampung Kuala Lama Mukah, dewan serbaguna bukan sekadar bangunan fizikal, tetapi merupakan simbol perpaduan dan pusat aktiviti sosial penduduk. Namun, keadaan landskapnya yang semakin uzur telah mengurangkan daya tarikan dan fungsi ruang komuniti ini. Justeru, satu inisiatif transformasi landskap telah digerakkan melalui kerjasama erat antara pelajar Diploma Pengurusan Ladang UiTM dengan penduduk tempatan.



Landskap yang telah disiapkan di Kampung Kuala Lama

Projek komuniti ini mempunyai nilai yang besar dari pelbagai aspek. Pertama, ia berperanan sebagai platform efektif untuk pemindahan ilmu secara dua hala antara akademik dan komuniti. Melalui aktiviti praktikal seperti penanaman pokok landskap, penduduk bukan sahaja menerima pengetahuan teori tetapi juga kemahiran *hands-on* yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Projek ini juga mengukuhkan hubungan universiti-masyarakat melalui konsep penglibatan sosial yang holistik.

Program selama sebulan bermula pada 13 Disember 2024 sehingga 10 Januari 2025 telah dirancang dengan teliti bersama-sama dengan pihak Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Kuala Lama, Mukah dalam tiga fasa utama. Fasa pertama bermula dengan penilaian tapak projek, perbincangan reka bentuk landskap dan pemilihan spesies tanaman sebelum program penanaman bersama dengan komuniti dilaksanakan. Fasa kedua melibatkan pengisian bengkel penanaman pokok landskap, demonstrasi teknik penjagaan tanaman landskap dan gotong-royong penanaman pokok landskap dengan penyertaan penduduk kampung Kuala Lama Mukah. Aktiviti pemantauan perkembangan dan penambahbaikan tanaman landskap telah dilaksanakan pada fasa ketiga di tapak Dewan Sri Pekala, Kampung Kuala Lama.

Transformasi landskap dewan ini dijangka memberi kesan berganda. Dari aspek fizikal, ia akan menaikkan imej dewan sebagai pusat komuniti yang menarik. Dari sudut sosial, program ini mengukuhkan semangat kejiranan melalui aktiviti gotong-royong. Yang lebih penting, ia mewujudkan model kerjasama universiti-komuniti yang boleh dicontohi.



Projek transformasi landskap Dewan Serbaguna Kampung Kuala Lama ini merupakan permulaan yang baik untuk membina hubungan lebih erat antara institusi pengajian tinggi dengan masyarakat setempat. Kejayaan program ini diharap dapat mencetuskan lebih banyak inisiatif yang sama dalam memberi manfaat jangka panjang kepada semua pihak terutamanya komuniti Kampung Kuala Lama.